

Negara maju Komanwel perlu bantu: PM

BH 14 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu negara maju dalam Komanwel, membantu negara anggota lain yang sedang membangun, menyiapkan diri berdepan dengan persekitaran baru kesan globalisasi.

Ini kerana kebanyakan negara membangun masih ketinggalan dari segi modal dan kemudahan infrastruktur sehingga sukar mengambil kesempatan daripada peluang yang ada.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, negara Komanwel yang sudah maju wajar menghulur bantuan agar negara membangun berupaya menghadapi saingan globalisasi.

"Saya percaya negara Komanwel boleh memainkan peranan utama dalam membantu anggotanya menghadapi dunia tanpa sempadan," katanya merasmikan mesyuarat antarabangsa Masyarakat Komanwel (RCS), di sini hari ini.

RCS ialah sebuah pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa yang menggalakkan pengetahuan di kalangan negara Komanwel.

Ia dibiayai oleh keanggotaan di seluruh dunia dengan cawangan yang ditadbir sendiri, wakil-wakil kehormat dan organisasi bersekutu di 35 negara. Ibu pejabat antarabangnya bertempat di London.

Dr Mahathir berkata, Komanwel

bukan lagi perkumpulan bekas tanah jajahan empayar British tetapi sebuah perkumpulan yang anggotanya terdiri daripada negara-negara sehaluan.

Bagaimanapun, Komanwel mesti memastikan bilangan anggotanya tidak terlalu banyak sehingga ia membebankan anggota dan gagal memainkan peranan, bukan saja untuk mencapai kata sepakat, malah sukar untuk bertemu pada peringkat tertinggi.

Untuk maju, Komanwel mesti meneruskan kajian semula perannya dan menyesuaikan diri dengan dunia yang berubah pesat bagi memastikan anggota mampu mena-

ngani cabaran seperti globalisasi.

"Proses globalisasi hanya boleh membawa manfaat jika amalannya berpandukan peraturan dan undang-undang.

"Tanpa peraturan dan undang-undang yang diterima pada peringkat antarabangsa, keadaan anarki akan berlaku. Hanya mereka yang tidak berprinsip akan mendapat manfaat daripada keadaan ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, cabaran paling utama ialah memastikan globalisasi tidak menguntungkan pihak tertentu saja tetapi mengempikan atau memiskinkan sebilangan

LIHAT MUKA 2

Anggota Komanwel perlu bekerjasama

DARI MUKA 1

BH 14 OCT 2000

besar negara membangun. "Sehubungan itu, Komanwel harus memastikan anggotanya mempunyai persediaan rapi untuk menangani cabaran yang bakal hadir dalam saingan globalisasi ini," katanya.

Beliau juga berkata, Komanwel perlu bekerjasama dalam memastikan negara

membangun menjadi peserta sepenuhnya dalam perbincangan ekonomi antarabangsa, serta membentuk dan mempergaruhi peraturan dan undang-undang dunia.

Perkumpulan itu juga boleh bekerjasama dalam menggalakkan dasar yang membantu menutup jurang

digital antara negara miskin dan kaya agar pengetahuan dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk memperkayakan semua orang.

"Malaysia percaya dalam alaf baru ini, hubungan sesama negara perlu berlandaskan paradigma baru yang bukan saja dengan keadulatan sama tetapi meng-

ormati maruah, kepentingan dan faedah bersama.

"Hanya dengan cara itu barulah potensi sebenar globalisasi dapat dinikmati oleh semua. Negara Komanwel harus terus bersatu bagi memastikan semua anggotanya mampu bersaing dalam alaf baru ini," katanya.